

## **SOP Covid-19 Pengaruhi Persediaan Banjir**

Oleh: Elni Quziny Ahmad Saripi 1180337

KUANTAN: Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) melalui Jawatankuasa Induk Banjir mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi membuat persediaan menghadapi bencana banjir yang diramal akan berlaku sepanjang November hingga Mac tahun hadapan.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Abdul Hakim Mohd Amin, berkata pertambahan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuat pada tahun ini berikutan pengurangan jumlah mangsa banjir yang telah dihadkan mengikut keluasan setiap pusat pemindahan.

“PPS pada tahun ini juga tidak dibenarkan untuk memasak dan bergotong-royong bersama bagi mengelakkan kewujudan kluster banjir.

“Sekiranya terdapat mangsa banjir yang bergejala di PPS, mereka akan dirujuk ke klinik kesihatan dan jika negatif mereka akan diasingkan kuarantin di ruang khas yang disediakan untuk tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya.



Gambar Hiasan

Menurutnya, persediaan terawal dilakukan di PPS Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota seperti laluan keluar dan masuk untuk mangsa banjir dengan pematuhan SOP.

Wisma Belia merupakan salah satu PPS yang dipersiapkan paling awal dengan pematuhan SOP seperti laluan keluar dan masuk berserta penyediaan kelengkapan mengikut SOP.

Pematuhan SOP itu dibuat mengikut ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



Gambar Hiasan

Sehubungan itu, beliau berkata, persediaan menghadapi musim tengkujuh ini disusun rapi oleh MPK sejak bulan September yang lepas melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yg Di-Pertua MPK Dato' Hamdan Hussin.

Menurutnya, peranan utama MPK adalah menyelaraskan segala usaha bagi mengadakan serta menjalankan perkhidmatan perbandaran semasa bencana seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

“Antara persiapannya seperti penubuhan jawatankuasa khas yang dinamakan Operasi Banjir MPK selain menyediakan jawatankuasa kecil Unit Tindakan Khas (UTK) untuk menjalankan kerja-kerja tindakan segera dan pembersihan pokok tumbang atau masalah lain di lapangan yang melibatkan halangan jalan utama,” katanya.

Penduduk, Nur Naiyyah Muhamad Yusoff, 21, berkata, dia yakin dengan tindakan proaktif MPK setiap tahun dan kerjasama daripada pelbagai agensi lain berganding bahu melakukan persediaan lengkap hadapi banjir pada kali ini akan dapat ditangani dengan baik dan sewajarnya.